

## Sejarah ( Wong WK ) : Latihan Sejarah - Tg. 4 ( Bab 3 : Part 1)

Arahan : Isikan tepat kosong dengan perkataan yang tepat.

|                    |                  |          |                |
|--------------------|------------------|----------|----------------|
| Timur Tengah       | Orde Baharu Asia | Nazisme  | Kaum Muda      |
| Archduke Ferdinand | Pakatan Bertiga  | Normandy | Perang Pasifik |

1. British memperkenalkan “Enakmen Undang-Undang Islam” 1904 untuk membendung pengaruh idea gerakan Islam dari  { B3.1--m/s. 52 }
2. Pada 11 November 1914, empayar Uthmaniyah mengeluarkan fatwa menyeru orang Islam agar bangkit bersama-sama dengan empayar Uthmaniyah. Perkembangan ini mendapat perhatian penduduk di Tanah Melayu, terutamanya  melalui akhbar. { B3.1--m/s. 52 }
3. Salah satu faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ialah permusuhan dua pakatan ketenteraan iaitu Kuasa Tengah dan  { B3.2--m/s. 54 }
4. Krisis di rantau Balkan juga menjadi punca Perang Dunia Pertama. Kemuncak krisis rantau Balkan ialah pembunuhan Putera Mahkota Austria-Hungary iaitu  { B3.2--m/s. 54 }
5. *Ideologi* yang berfahaman lampau yang mencetuskan Perang Dunia Kedua di Eropah ialah fasisme dan  { B3.3--m/s. 58 }
6. Salah satu faktor kejayaan Kuasa Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua ialah keberkesanan strategi serangan terutama kejayaan operasi pendaratan yang diberikan nama kod “D-Day”. Dalam operasi tersebut, Tentera Bersekutu mendarat di Perancis, iaitu di  { B3.3--m/s. 62 }
7. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941 – 1945) juga dikenali sebagai .....  { B3.4--m/s. 64 }
8. Perang Pasifik berpunca daripada kemunculan Jepun sebagai kuasa tentera di Asia yang menjalankan imperialisme. Peluasan kuasa Jepun berkait dengan keperluan perindustrian, pengaruh golongan tentera, dan ingin mewujudkan  untuk menyingkirkan kuasa imperialis Barat di Asia. { B3.4--m/s. 64 }